

15 OCT 1996

Razaleigh-Umno

TERPULANG KEPADA TAFSIRAN, KATA RAZALEIGH

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Anggota Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah berkata beliau kembali menyertai Umno untuk menjadi anggota biasa dan terpulanglah kepada orang lain membuat tafsiran mengenai masa depannya.

Ketika mengulas kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam yang menyatakan bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) itu akan menjadi tokoh dalam Umno, Razaleigh berkata perkara itu tidak berbangkit dan tidak perlu diberikan perhatian.

"Saya telah berkali-kali menyatakan penyertaan saya dalam Umno adalah sebagai ahli biasa, tak lebih daripada itu...sebagai pekerja biasa," katanya kepada pemberita di ruang legar bangunan Parlimen di sini hari ini.

Razaleigh berkata beliau tidak menjangka bahawa Musa, sebagai ahli politik terkemuka yang telah bersara, akan mengeluarkan pandangan seperti itu.

"Tepulanglah kepada orang nak tafsir macam mana dia suka," kata Razaleigh yang menyerahkan borang menganggotai Umno bersama-sama 200,000 bekas anggota S46 pada 8 Okt lepas. Dua hari sebelum itu, parti yang berusia tujuh tahun itu dibubarkan untuk anggotanya menyertai Umno atas alasan penyatuan Melayu.

Razaleigh berkata beliau sebelum ini telah menyatakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno bahawa beliau sedia menawarkan khidmat sebagai anggota biasa.

Mengenai titah Sultan Kelantan kepada kerajaan negeri Kelantan pimpinan Pas supaya bekerjasama dengan kerajaan pusat, Razaleigh berkata kerjasama itu perlu kerana negeri-negeri adalah sebahagian daripada persekutuan.

"Walaupun wujud kerajaan yang berdaulat di mana-mana negeri, ini tidak bererti tanggungjawabnya kepada negara telah terputus oleh sebab kerajaan pusat bertanggungjawab dalam banyak bidang," katanya.

Menurutnya, bantuan kerajaan pusat diperlukan oleh kerajaan negeri untuk membela dan memelihara kepentingan rakyat seperti dalam soal keselamatan dan sosial. -- BERNAMA

AZZ NMO